



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)
DAN TINDAKAN-TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

8 Mei 2009

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam laporannya bertarikh 7 Mei 2009 18:00 GMT, bersamaan 8 Mei 2009 @02:00 pagi Malaysia, memaklumkan **sebuah** (1) negara lagi iaitu **Poland** secara rasmi melaporkan kes influenza A(H1N1) dan menjadikan jumlah negara yang terlibat kepada dua puluh empat (**24**) buah. Jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan adalah **2371 kes** dengan **44 kematian** iaitu pertambahan sebanyak 478 kes berbanding hari sebelumnya.

Negara Mexico melaporkan 1112 kes yang disahkan melalui ujian makmal, dengan empat puluh dua (42) kematian berbanding 942 kes pada hari sebelumnya. Amerika Syarikat pula melaporkan 896 kes positif ujian makmal influenza A(H1N1) dengan 2 kematian. Negara-negara yang melaporkan kes influenza A(H1N1) serta tiada kematian adalah seperti berikut: Negara yang ada pertambahan kes adalah Kanada (201), Jerman (10), Israel (6), Belanda (2), Poland (1), Republik Korea (3), Sepanyol (81) dan United Kingdom (32). Sementara negara berikut menunjukkan tiada pertambahan bilangan kes iaitu Austria (1), Hong Kong (1), Colombia (1), Costa Rica (1),

Denmark (1), El Salvador (2), Perancis (5), Guatemala (1), Ireland (1), Itali (5), New Zealand (5), Portugal (1), Sweden (1) serta Switzerland (1).

WHO masih lagi mengekalkan tahap amaran Influenza Pandemik di Fasa 5, semenjak 29 April 2009 dan TIDAK menyarankan sebarang tindakan sekatan dari segi kesihatan, perjalanan dan perdagangan serta penutupan sempadan yang perlu dilakukan oleh mana-mana negara bagi perlindungan kesihatan antarabangsa. Walau pun begitu adalah penting orang awam yang mengalami tanda-tanda jangkitan terutamanya demam, batuk, selsema dan sakit tekak dinasihatkan untuk menengguhkan lawatan antarabangsa dan mereka yang mengalami tanda-tanda berkenaan dari lawatan antarabangsa dinasihatkan untuk mendapat rawatan.

Beberapa saranan tambahan daripada WHO meliputi amalan kebersihan diri terutama sekali membasuh tangan dengan kerap menggunakan sabun dan air, lebih-lebih lagi selepas batuk dan sekiranya mengalami gejala '*influenza-like illness*', sila dapatkan rawatan perubatan dengan segera. Disamping itu, tiada risiko mendapat jangkitan influenza A(H1N1) sekiranya daging atau produk babi disediakan dan dimasak secara betul.

Pada 7 Mei, sehingga 9.00 malam, 2009 Bilik CPRC Kementerian telah menerima **empat** (4) laporan mengenai pesakit yang dimasukkan ke wad isolasi Hospital Sungai Buluh bagi tujuan siasatan dan pemerhatian. Kesemua kes tersebut adalah disahkan negatif terhadap influenza A(H1N1) oleh Institut Penyelidikan Perubatan. Kes dari Hospital Raja Perempuan Zainab II yang telah dimasukkan pada 6 Mei 2009 juga disahkan negatif. Sehubungan

dengan ini juga, sehingga masa ini **tiada kes** influenza A(H1N1) dikesan di negara kita.

Saringan kesihatan di semua pintu masuk antarabangsa yang menerima kemasukan pelawat dari negara-negara yang dilanda wabak influenza A(H1N1) serta kepulauan rakyat Malaysia dari negara tersebut terus dipertingkatkan di mana mereka disaring dan diberi *Health Declaration Form* dan *Health Alert Card*. Pihak Imigresen telah membantu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dalam proses saringan penumpang ini. Pada 7 Mei 2009, laporan status aktiviti saringan pemantauan influenza A(H1N1) di pintu masuk udara di Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang dan Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- Bilangan penerbangan yang disaring : 37
- Bilangan penumpang yang disaring: 3,821
- Bilangan penumpang diperiksa oleh pasukan kesihatan: 49
- Bilangan dirujuk ke hospital: Tiada.

Di pintu masuk darat seramai 3,104 penumpang dan di pintu masuk laut seramai 175 penumpang telah disaring dengan tiada yang dirujuk ke hospital.

Kementerian Kesihatan telah memasang 2 lagi “Thermalscan” iaitu 1 di Lapangan Terbang Kucing dan di Lapangan Terbang Senai. Sehingga kini 9 ‘thermal scanner’ telah dipasang di enam pintu masuk negara. Scanner ini akan mempercepatkan lagi proses saringan penumpang di pintu masuk negara.

Bilik CPRC Kementerian juga telah menerima sejumlah 41 panggilan dari orang ramai. Isu banyak tertumpu kepada pertanyaan mengenai perjalanan ke luar negara, vaksin dan rawatan. Memandangkan

kejadian kes terus meningkat, Kementerian Kesihatan menggesa kepada orang awam supaya menangguhkan sementara perjalanan antarabangsa ke negara-negara yang dilanda influenza A(H1N1). Sekiranya perjalanan ini tidak dapat dielakkan mereka dinasihatkan supaya sentiasa mengikuti perkembangan terkini penyakit ini serta mematuhi arahan atau nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa tempatan semasa berada di luar negara.

Kepada mereka yang kurang sihat digesa supaya tidak melakukan perjalanan ke luar negara. Kepada mereka yang baru balik dari luar negara terutama dari negara yang dikesan mempunyai kes influenza A(H1N1) diminta memantau kesihatan mereka sendiri dan sekiranya mempunyai tanda-tanda demam, batuk atau tanda-tanda jangkitan salur pernafasan, segera mendapatkan rawatan doktor. Maklumkan kepada doktor yang merawat bahawa mereka baru pulang dari negara yang dilanda wabak ini. Maklumat mengenai perkara ini boleh didapati di halaman web Kementerian iaitu <http://www.moh.gov.my>.

Kementerian Kesihatan Malaysia dan semua agensi terlibat terus meningkatkan pemantauan situasi influenza A(H1N1) dengan pihak WHO bagi memastikan tindakan-tindakan proaktif diambil untuk melindungi kesihatan awam penduduk Malaysia.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 8 Mei 2009